

**PRESS RELEASE
FOR IMMEDIATE RELEASE**

**OFFICIAL STATEMENT BY
FINANCIAL PARK (LABUAN) SDN BHD**

Labuan, 16th June 2021: The Financial Park Complex is re-opened in stages beginning today, 16th June 2021. The gradual and risk-controlled opening of office blocks started with a limited scale for several selected offshore financial institutions and selected government offices involved in regulatory enforcement and COVID19 pandemic management. For the shopping mall, only three government departments, two commercial banks and Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat), two food distribution, three pharmacies and two largest food service premises namely KFC and Pizza Hut are allowed to operate. These business premises will be opened gradually starting today subject to their respective readiness and ability to operate.

The shopping mall will remain closed to public visitors for the time being. All sales and services will be provided through online ordering and delivery services only, including for long-term occupants at Alpha Condominium and Beta Service Apartment. The full list of premises permitted to operate is available at our company's website <http://www.fpl.com.my/> and Facebook at 'Financial Park Labuan'.

The staggered opening is implemented with the approval from the Crisis Management Committee, Federal Territory of Labuan. This first stage of opening is subjected to the following conditions:

- i) Permission to operate is only given to premises that do not have staff presently being infected with COVID19 or being quarantined at the time of opening;
- ii) Office premises, commercial banks and Bank Rakyat are only allowed to operate without any over-the-counter dealings with the general public;
- iii) Permitted office attendance is currently limited to 10% of the total staff or the limit presently specified by the relevant authorities. For commercial banks, Bank Rakyat and other business premises, the number of employees shall be subject to the existing SOP;
- iv) Premises which are opened are not allowed to receive any public visitors; and,

- v) Continuing compliance with the Standard Operating Procedure (SOP) of Enhanced Movement Control Order (EMCO) which is being implemented in Labuan.

During this EMCO period, Financial Park Complex will be open from 8.00 am to 6.00 pm daily.

All tenants and business partners must always comply with the SOPs issued by the authorities including any specific requirements for their respective businesses regarding this reopening. Premises that are allowed to be opened must prioritise job assignments to workers that have been vaccinated under the national vaccination program during this initial operation.

FPL would like to thank all parties who have given their cooperation in facilitating the cleaning and disinfection works at Financial Park Complex which enabled the reopening of this Complex.

Please visit our website at our <http://www.fpl.com.my/> and Facebook page at '*Financial Park Labuan*' to find out more information on business activities including the daily update list of operating status of business premises within the Financial Park Complex.

Thank you for your continued support.

"STAY CLEAN, STAY SAFE"

Financial Park (Labuan) Sdn. Bhd.
16th June 2021

For further information, please contact:
Customer Service
Telephone Number: 087-439 767 (Security Counter)
Email: info@fpl.com.my
Web: <http://www.fpl.com.my/>

**KENYATAAN MEDIA
UNTUK SIARAN SEGERA**

**KENYATAAN RASMI OLEH
FINANCIAL PARK (LABUAN) SDN BHD**

Labuan, 16hb Jun 2021: Kompleks Ujana Kewangan dibuka semula secara berperingkat mulai hari ini, 16hb Jun 2021. Pembukaan secara berperingkat dan secara terkawal risiko ini bermula dengan skala terhad melibatkan beberapa institusi kewangan luar persisir terpilih dan beberapa pejabat kerajaan terpilih yang terlibat dengan aktiviti penguatkuasaan serta pengurusan pandemik COVID 19 di blok-blok pejabat. Di bahagian pusat membeli belah pula, hanya tiga jabatan kerajaan, dua premis bank-bank komersial dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat), dua premis pengedaran bekalan makanan, tiga farmasi dan dua premis makanan terbesar iaitu KFC dan Pizza Hut dibenarkan beroperasi. Premis-premis perniagaan ini akan dibuka secara beransur-ansur bermula hari ini tertakluk kepada kesediaan dan keupayaan masing-masing.

Pusat membeli belah kekal tutup kepada pelawat buat masa ini. Kesemua jualan dan perkhidmatan akan dibekalkan hanya melalui perkhidmatan pesanan dan hantaran dalam talian sahaja, termasuk kepada penghuni jangka panjang di Alpha Condominium dan Beta Service Apartment. Senarai penuh premis-premis yang dibenarkan beroperasi boleh dirujuk di laman web <http://www.fpl.com.my/> dan Facebook syarikat kami di '*Financial Park Labuan*'.

Pembukaan secara berperingkat ini dilakukan setelah mendapat persetujuan daripada Jawantankuasa Pengurusan Bencana Daerah, Wilayah Persekutuan Labuan. Pembukaan berperingkat ini tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i) Kebenaran beroperasi hanya diberi kepada premis yang tidak mempunyai staf yang sedang dijangkiti COVID19 atau sedang dikuarantin semasa pembukaan;
- ii) Pejabat-pejabat yang dibuka, bank-bank komersial dan Bank Rakyat hanya dibenarkan beroperasi secara dalaman tanpa urusan di kaunter dengan masyarakat umum;
- iii) Kehadiran untuk premis pejabat yang dibenarkan dibuka dihadkan buat masa ini kepada 10% daripada jumlah kakitangan atau bilangan yang dibenarkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan. Bagi institusi

bank komersial, Bank Rakyat dan premis-premis perniagaan lain, jumlah kakitangan hendaklah tertakluk kepada SOP yang sedia ada;

- iv) Premis-premis yang dibuka masih belum boleh menerima kunjungan orang awam buat masa ini; dan
- v) Mematuhi segala Standard Operating Procedure (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) yang sedang dilaksanakan di Labuan.

Sepanjang tempoh PKPD ini, Kompleks Ujana Kewangan akan dibuka dari jam 8.00 pagi hingga 6.00 petang setiap hari.

Semua penyewa dan rakan niaga hendaklah sentiasa mematuhi segala SOP yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa termasuk sebarang ketetapan khusus untuk perniagaan masing-masing berkenaan pembukaan semula ini. Premis-premis yang dibenarkan dibuka juga perlu mengutamakan pekerja-pekerja yang sudah divaksinasi di bawah program vaksinasi kebangsaan untuk operasi permulaan ini.

FPL mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama sepanjang kerja-kerja pembersihan dan nyahkuman dijalankan yang membolehkan pembukaan semula Kompleks ini.

Sila layari laman web kami di <http://www.fpl.com.my/> dan laman Facebook kami di 'Financial Park Labuan' untuk mengetahui sebarang maklumat lanjut mengenai aktiviti perniagaan termasuk senarai status operasi premis perniagaan di dalam Kompleks Ujana Kewangan yang dikemasikini secara harian.

Terima kasih atas sokongan berterusan anda.

"KEKAL BERSIH, KEKAL SELAMAT"

Financial Park (Labuan) Sdn. Bhd.
16hb Jun 2021

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:
Khidmat Pelanggan FPL
Nombor Telefon: 087-439 767 (Kaunter Keselamatan)
Emel: info@fpl.com.my
Web: <http://www.fpl.com.my/>